

180  
SOALAN NO. 181

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIARAANI A/P PATTO**  
**[ Batu Kawan ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**PUAN KASTHURIARAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT** menyatakan bilangan OKU terkini dalam sistem  
Jabatan Kebajikan Masyarakat serta senarai semua pengecualian  
GST bagi OKU dan jika Kerajaan akan mengecualikan cukai GST ke  
atas OKU terutama sekali dalam mendapatkan perkhidmatan

kesihatan, pembelian ubat, pembelian peralatan seperti kerusi roda, tiub, alat pendengaran, "white cane", peralatan prosthetic serta peralatan lain.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), jumlah OKU yang berdaftar dengan JKM mulai tahun 2011 sehingga Jun 2016 adalah sebanyak **389,362** orang.

Melalui peraturan sedia ada di bawah Butiran 7 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui badan bukan kerajaan (NGO) layak untuk membeli alat bantuan sokongan / tiruan daripada pembekal dengan pelepasan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Terdapat 11 item alat bantuan sokongan / tiruan OKU yang diberi pelepasan GST di bawah Butiran 7 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 iaitu:

1. Anggota tiruan
2. Kerusi roda

3. Katil elektrik atau penyesuaian mekanikal
4. *Braille Embossers*
5. *Pick-up Stick*
6. Teks telefon untuk OKU Pertuturan
7. *Whistling cup* (cawan khas) untuk OKU Penglihatan
8. Tongkat putih untuk OKU Penglihatan
9. Kasut khas
10. Alat Pendengaran
11. *Low vision aid* (alat bantuan penglihatan)

Pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang dalam perbincangan bersama Kementerian Kewangan (MOF) dan KASTAM untuk menambahkan lagi item dalam senarai sedia ada dan turut mencadangkan agar OKU boleh membeli peralatan sokongan secara individu tanpa melalui badan bukan kerajaan (NGO).

Maklumat berkaitan senarai jenis barang dan perkhidmatan termasuklah pembelian ubat-ubatan yang diberi pelepasan GST oleh Kerajaan kepada OKU boleh diperolehi daripada Kementerian Kewangan (MOF).